

Dalam edisi keempat surat berita ROSA ini, kami menyediakan maklumat terkini mengenai Perbincangan Meja Bulat Dasar Kedua kami, memperkenalkan dua lagi ahli pasukan ROSA dan juga menyampaikan beberapa dapatan penting daripada penyelidikan kami.

## Perkembangan Terkini dan Notis

### **Ringkasan Perbincangan Meja Bulat Dasar Kedua ROSA: Dalam Pemulihan - Orang dewasa yang lebih berumur dan peralihan kepada normal baharu**

Pada 3hb Mac 2021 ROSA telah mengadakan perbincangan meja bulat dasar keduanya. Perbincangan meja bulat tersebut berusaha untuk memberikan cadangan dasar berasaskan bukti bagi merapatkan jurang dalam pemulihan pasca COVID-19 Singapura. Perbincangan meja bulat tersebut telah diadakan secara maya dan telah dihadiri oleh lebih daripada 80 orang peserta, yang merangkumi 50 orang wakil dari pelbagai kementerian pemerintah dan organisasi bukan pemerintah yang terlibat dalam dasar yang berkaitan dengan penuaan seperti Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga dan Agensi bagi Penjagaan Bersepadu. Secara keseluruhan, ia merupakan acara yang telah berjaya dan mendapat liputan saluran berita tempatan seperti Channel News Asia, The Straits Times, Lianhe Zaobao, dan CNA938.

### **Memperbaharui Laman Web ROSA**

Sukacita kami maklumkan bahawa kami telah membuat perubahan pada laman web kami untuk menjadikannya lebih menarik secara visual (anda boleh mengakses laman web di [rosa.smu.edu.sg](http://rosa.smu.edu.sg)). Kami merancang untuk mengemas kini laman web tersebut secara kerap, jadi selalulah layari laman web kami untuk mengetahui kemas kini terkini. Anda juga boleh mengetahui lebih banyak mengenai pasukan kakitangan dan para penyelidik kami yang luar biasa dan bidang penyelidikan mereka di laman web tersebut.

## Kenali pegawai ROSA

Kami juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memperkenalkan dua lagi ahli pasukan kami - Stephen Hoskins dan Catherine Loh!

Sebagai Rakan Penyelidik Utama di ROSA, hari bekerja Stephen yang biasa termasuk menulis soalan-soalan tinjauan, bekerjasama dengan pasukan operasi kami untuk

membuat tinjauan bulanan, menjalankan penyelidikan termasuk membaca kertas dan menganalisis data SLP dan akhirnya bertemu dengan wakil pemerintah atau para penyelidik untuk mengubah hasil penyelidikan kami ke dalam intervensi dasar pragmatik.



*Rakan Penyelidik Utama, Stephen Hoskins, sedang gigih bekerja!*


Stephen menganggap SLP sebagai jendela unik dalam kehidupan warga Singapura yang kompleks. Melalui penyelidikannya, dia gembira melihat kegigihan pekerja Singapura untuk mendapatkan lebih banyak latihan kemahiran, kepantasan mereka kembali bekerja selepas kejutan pengangguran dan peranan penting yang dimainkan oleh pemindahan kewangan antara generasi dalam keluarga-keluarga di Singapura. Pada waktu lapangnya, Stephen gemar mengayuh basikalnya sekitar Singapura, membaca novel di kafe, berlari-lari anak di Fort Canning dan membincangkan geopolitik dengan rakan-rakannya.



*Pengurus Panel Penyelidikan, Catherine (kanan) dengan anak perempuan beliau.*

Catherine ialah Pengurus Panel Penyelidikan di ROSA dan dia mungkin seorang yang dikenali ramai! Pada hari bekerja biasa, Catherine bekerjasama rapat dengan pembantu pelajar untuk menguruskan maklum balas dari SLP, memantau kadar tindak balas tinjauan dan mengawasi data yang dikumpulkan. Dia senang bekerja dengan SLP kerana dapat mendengar cerita-cerita responden, pengalaman hidup dan nasihat yang diberikan oleh mereka. Bekerja dengan SLP juga telah menambah pemahamannya mengenai persiapan persaraan. Pengalamannya yang paling memuaskan termasuk menerima penghargaan dan ucapan selamat daripada responden. Pada masa lapang, Catherine gemar membaca novel dan mempelajari kemahiran teknikal dan kemahiran lembut melalui platform pembelajaran dalam talian yang dipanggil LinkedIn Learning.

## Sorotan Penyelidikan



Rajah 1. Kepuasan Perkahwinan mengikut Jantina

Pada bulan Disember 2020, kami bertanya kepada ahli SLP mengenai kepuasan perkahwinan mereka. Kami mendapati perbezaan jantina dalam peratusan responden yang berpuas hati dengan perkahwinan mereka serta peratusan responden yang menyatakan bahawa hidup mereka akan terasa kosong tanpa perkahwinan mereka. Secara khusus, sebilangan besar responden lelaki melaporkan bahawa mereka berpuas hati dengan perkahwinan mereka dan kehidupan akan terasa kosong tanpa perkahwinan mereka berbanding dengan responden wanita.



Rajah 2. Kadar Kesukarelawanan dalam kalangan Ahli SLP

Pada bulan Februari 2021, kami bertanya kepada ahli SLP mengenai pengalaman sukarelawan mereka. Telah diperhatikan bahawa hanya 21% responden yang pernah menjadi sukarelawan sebelumnya, dengan hanya 8% yang menjadi sukarelawan dalam 12 bulan terakhir. Tiga sebab paling lazim untuk menjadi sukarelawan antara responden yang pernah menjadi sukarelawan adalah: (1) bahawa mereka berasa gembira menyumbang kepada masyarakat (91.1% bersetuju), (2) bahawa kesukarelawanan memberi tujuan dan makna dalam kehidupan (88.2% bersetuju) dan (3) bahawa dengan menjadi sukarelawan, responden berasa mereka dapat membantu menjadikan dunia sebuah tempat yang lebih baik (87.5% bersetuju).

Sukarelawan membantu orang dewasa yang lebih berumur menjalani kehidupan yang aktif di samping menawarkan perkhidmatan yang berharga kepada masyarakat. Di samping itu, semakin banyak kajian menunjukkan bahawa sukarelawan mempunyai manfaat kesejahteraan mental. Oleh yang demikian, kami menggalakkan lebih ramai ahli SLP untuk mengambil bahagian dalam kerja-kerja sukarelawan bagi meningkatkan kesejahteraan mereka! Terdapat banyak organisasi, seperti RSVP Singapura, yang memberi peluang kesukarelawanan bermakna kepada warga emas. Kini setelah kebanyakan sekatan dihapuskan, kita dapat bersama-sama membangunkan kembali dunia pasca COVID-19 yang lebih baik.

## Tarikh Tinjauan

- **Tinjauan Mei: 1 - 24 Mei 2021**
- **Tinjauan Jun: 1 - 24 Jun 2021**
- **Tinjauan Julai: 1 - 25 Julai 2021**

## Hubungi Kami

Jika anda telah berubah alamat atau nombor telefon, memerlukan sebarang bentuk bantuan untuk menjawab tinjauan, atau ada sebarang soalan atau maklum balas, sila hubungi kami di Talian Utama Pusat kami di nombor 6808 7910 (9 pagi hingga 5 ptg, Isnin hingga Jumaat) atau e-mel kepada [slp@smu.edu.sg](mailto:slp@smu.edu.sg). Kami sentiasa sudi mendengar daripada anda.